

## PRESS CLIPPINGS

**Publication** : Berita Harian  
**Country** : Singapore

**Date:** 23 March 2005  
**Page:** cover & 3



# Sokongan yayasan barah ringankan derita famili




foto M.O. Salleh

**KERUSI URUT AMAL:** Ronald (*paling kiri*) dan Abigail (*paling kanan*) menandatangani kerusi urut masing-masing yang akan dilelong selepas dihiasi lukisan sambil disaksikan dua kanak-kanak yang meraih manfaat CCF, Herryadi (*dua dari kiri*) dan Adam B. Dulfo.

## Pelajar antara 1,100 kanak-kanak yang raih bantuan wang dan moral CCF

oleh  
Farid Hamzah

DISEBABKAN barah, berat badan Daeng Herryadi Sahak pernah mencecah hanya sekitar 23 kilogram sahaja semasa usianya 12 tahun.

Akibatnya, anak bongsu dua beradik yang ketika itu bagaikan 'jerangkung' sukar untuk bergerak ke mana-mana tanpa dipimpin.

Tetapi dua tahun kemudian, pelajar menengah satu itu kini mampu

bergerak seperti remaja lain yang sebaya dengannya selepas menjalani dua pembedahan serta beberapa rawatan lain.

Pelajar Sekolah Menengah Westwood itu, yang kini seberat 49 kilogram, merupakan salah seorang daripada sekitar 1,100 kanak-kanak — berusia antara semuda beberapa bulan dengan 17 tahun — yang meraih manfaat daripada Yayasan Barah Kanak-Kanak (CCF) sejak penubuhannya pada 1992.

Antara bantuan yang diterima daripada pertubuhan bukan pemerintah (NGO) itu termasuk kewangan, sokongan moral, kaunseling serta aktiviti berkeluarga.

Semasa ditemui semalam, Herryadi menceritakan dia hanya mengetahui dirinya menghidap penyakit barah selepas masalah bengkak di pipi kirinya semakin membesar semasa usianya 10 tahun.

"Selepas beberapa pemeriksaan, saya disahkan menghidap barah. Saya tetap bersabar dan sebagai satu-satunya anak lelaki dalam keluarga, saya enggan menunjukkan rasa gementar kerana khuatir akan membuat kedua-dua orang tua menjadi sedih,"

katanya lagi yang mempunyai seorang kakak berusia 16 tahun.

Menyusuli penyakit itu, Herryadi terpaksa berhenti sekolah selama setahun untuk menjalani rawatan.

Bapanya, Encik Sahak Hassan, 42 tahun, yang bekerja sebagai pemandu, menganggarkan beliau telah membelanjakan lebih daripada \$20,000 untuk perubatan anak kesayangannya itu.

"Mujur ada CCF yang membantu dari segi yuran sekolah dan bantuan lain seperti sokongan moral.

"Jika tidak, mungkin saya menjadi bingung," katanya lagi.

Keluarga itu ditemui semasa satu majlis takli-

mat mengenai usaha amal yang dijalankan syarikat OSIM sebagai sambutan ulang tahun syarikat itu yang ke-25 tahun.

Dalam usaha ini, lima kerusi urut berharga sekitar \$6,250 setiap satu akan dilelong pada suku ketiga tahun ini selepas dihiasi dengan lukisan lima selebriti setempat.

Hasilnya akan disalurkan ke CCF.

Kelima-lima selebriti itu ialah Abigail Sin, yang merupakan seorang pemain piano; Kumar, seorang pelawak; Ronald Susilo, pemain badminton negara; Lee Chee Chew, seorang kartunis, dan Wang Yan Qing, seorang hos televisyen.